

Muka Surat : 1

3,000 kedai koperasi bantu bekal minyak masak paket

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah dan Irwan
Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyarankan kerajaan memanfaatkan hampir 3,000 kedai koperasi di seluruh negara untuk membekalkan minyak masak paket kepada pengguna.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata melalui kedai koperasi, kerajaan dapat membantu lebih tujuh juta pengguna dalam kalangan ahli yang berkeluarga mendapat subsidi, yang majoritinya adalah golongan B40.

"Kami mahu kerajaan gunakan kedai runcit koperasi, yang mana kami sekarang sudah menggunakan platform digital.

"Pengguna akan buat pesanan dari kedai runcit dan pesanan itu terus disampaikan kepada pembekal," katanya kepada media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Naturopati Selangor Berhad, di sini, semalam.

Nasional 6

Muka Surat : 6

ANGKASA mahu mandat bantu penjaja kecil

Dari Muka 1

Katanya, dalam hal itu, ANGKASA juga akan menjadi perunding untuk berbincang terus dengan pembekal bagi pihak kedai dan pengguna.

Beliau berkata ANGKASA akan mencari dan memilih pihak yang boleh menawarkan harga lebih murah untuk membekalkan minyak masak paket.

"Oleh itu, kita perlukan mandat daripada kerajaan untuk melaksanakan perkara berkenaan.

"Jangan bimbang, ANGKASA tidak dimiliki oleh sesiapa, sebaliknya oleh tujuh juta ahli koperasi, tanpa sebarang kepentingan peribadi," katanya.

Beliau turut berharap supaya kuota minyak masak paket diberikan kepada koperasi yang terbabit dalam bidang pemprosesan dan pembungkusan.

Sementara itu, Yang Dipertua

Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Abdullah, menyarankan kerajaan memberi subsidi minyak masak bersasar kepada penjaja kecil, peniaga kedai makan dan restoran bagi menangani masalah kenaikan berterusan harga makanan.

Beliau berkata, pihaknya memahami tujuan kerajaan menghapuskan subsidi bagi minyak botol 2 kilogram (kg) hingga 5kg bagi mengurangkan aktiviti penyeludupan dan penyelewengan subsidi, namun ia memberi kesan terus kepada peniaga dan pengguna.

"Lebih baik jika kerajaan tetapkan harga atau buat satu mekanisme pembelian minyak untuk kumpulan sasar ini (penjaja dan peniaga), harga lebih rendah berbanding sekarang dengan syarat peniaga ada lesen sah.

"Wujudkan satu sistem untuk

"Golongan sasar seperti peniaga dan penjaja kecil wajar diberi subsidi supaya mereka setidak-tidaknya dapat mengekalkan harga makanan dijual"

Jawahar Ali Taib Khan,
Presiden PRESMA



pembelian atau penebusan dengan pemantauan atau kawalan oleh agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan (PBT) dan dibantu persatuan. Maknanya, ada pembekal selain tempat atau platform khas pembelian bagi peniaga ini," katanya kepada BH.

Beliau berkata, menerusi langkah itu, beban kos tinggi ditanggung peniaga dan penjaja bagi membeli minyak masak berku-

rangan, sekali gus dapat menurunkan harga makanan.

"Lepas ini kalau ada lagi yang ambil kesempatan jual makanan dengan mahal dan tidak masuk akal, tindakan denda wajar dikenakan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, berharap kerajaan mempertimbangkan

kembali subsidi minyak masak berikutan kesannya banyak ditanggung pengguna.

"Golongan sasar seperti peniaga dan penjaja kecil wajar diberi subsidi supaya mereka setidak-tidaknya dapat mengekalkan harga makanan dijual.

"Mesti ada tolak-ansur antara kerajaan dan peniaga supaya pada akhirnya pengguna mendapat manfaatnya apabila harga makanan tidak 'cekik darah', sebaliknya saling menguntungkan semua pihak," katanya.

Terdahulu, peniaga kecil mengeluh dan kecewa kerana sukar mendapatkan bekalan minyak masak berpaket, susulan pemanusiaan subsidi bagi minyak masak botol.

Peniaga memaklumkan perlu membeli minyak masak pada harga tinggi menyebabkan mereka tiada pilihan menaikkan harga berikutan bebanan kos.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANKASA